



"SOAL keselamatan menjadi keutamaan penduduk. Jika dibiarkan berterusan semak-samun

ini boleh mengundang bahaya lebih-lebih lagi jarak sungai dan perumahan terlalu hampir."

**MOHD. RIZAIRY**  
**MOHD. KHALEK**  
Penduduk

Penduduk rayu JPS segera jalankan kerja-kerja pembersihan Sungai Jinjang

# Tumbuh meliar, tiada selenggaraan

Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**  
kota@utusangroup.com.my

■ SELAYANG 14 FEB.

**S**UNGAI dan tumbuh-tumbuhan merupakan ciptaan Tuhan yang saling bergantung antara satu sama lain serta banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia.

Namun, di sebalik keindahan alam semula jadi itu, ia boleh bertukar menjadi 'hodoh' sekiranya tidak dijaga rapi pihak bertanggungjawab.

**KAMI PANTAU KHIDMAT ANDA**

Itulah keadaan yang menjadi kebimbangan penduduk di One Selayang dekat sini apabila tumbuhan meliar dan semakin menebal di sepanjang Sungai Jinjang berhampiran perumahan itu.

Penduduk mendakwa situasi itu disebabkan kegagalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan kerja-kerja selenggaraan sejak setahun lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan berkenaan mendapati, pokok-pokok renek setinggi kira-kira tujuh meter tumbuh di

kiri dan kanan sungai sehingga hampir menjalar keluar ke kawasan perumahan penduduk.

Berdasarkan pemerhatian tumbuhan itu turut memasuki sungai dan kawasan taman permainan kanak-kanak serta tempat parkir berhampiran.

Penduduk mendakwa, keadaan semak-samun itu bukan sahaja memburukkan pemandangan, lebih membimbangkan ancaman haiwan berbisa seperti ular yang menjadikan kawasan itu sebagai habitat.

Penduduk juga khawatir sekiranya ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuang sampah

sesuka hati sehingga menyebabkan sungai tercemar.

Hasil pemerhatian turut mendapati masalah sama berlaku di perumahan berdekatan iaitu 162 Residency dan Sri Selayang.

Sehubungan itu, penduduk menggesa JPS mengambil tindakan segera menyelenggara kawasan berkenaan dengan harapan agar usaha itu dapat mengelakkan daripada berlaku sebarang kejadian buruk.

*Utusan Malaysia* difahamkan aduan telah dikemukakan penduduk beberapa kali kepada JPS negeri sejak November tahun lalu namun sehingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil.

## JPS Gombak bersih semak-samun Mac ini

**MAKLUM BALAS**

**KUALA LUMPUR 14 Feb.** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan semak-samun di sepanjang sungai Jinjang bermula awal Mac ini.

Jurutera JPS yang dikenali sebagai Hanif berkata, tindakan itu akan dibuat melalui kontraktor yang dilantik bermula kawasan Prima Selayang sehingga ke Hilir Sungai Jinjang.

"JPS telah mengeluarkan tender terhadap projek ini dan sedang menilai kontraktor yang dipilih.

"Kerja-kerja penyelenggaraan ini meliputi kawasan One Selayang yang terletak di sepanjang jajaran sungai terbabit," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau mengulas mengenai kebimbangan penduduk berhubung masalah semak-samun yang tidak diseleng-

gara JPS di kawasan sungai Jinjang berdekatan One Selayang, 162 Residency dan Sri Selayang, dekat sini.

Menurut Hanif, pihaknya akan meletakkan sasaran selama sebulan sekali pada tahun ini untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sepanjang jajaran sungai tersebut.

"Ini bagi memastikan Sungai Jinjang sentiasa bersih dan terhindar dari kekotoran seperti semak-samun, pokok renek dan sampah yang boleh menjejaskan pemandangan dan pelbagai masalah lain," katanya.

Katanya lagi, kali terakhir JPS melakukan kerja-kerja penyelenggaraan semak-samun di One Selayang adalah pada Mac tahun lalu.

**TUMBUH-TUMBUHAN** liar mengundang bahaya kepada kanak-kanak di taman